



NEGERI SEMBILAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF NEGERI SEMBILAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 75
No. 32

11hb Ogos 2022

TAMBAHAN No. 17
PERUNDANGAN

N.S. P.U. 30.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) 2003

[Enakmen No. 10/2003]

PEMBERITAHUAN FATWA

MENANGANI PERSOALAN BID'AH DALAM MASALAH IKHTILAF/
KHILAF PERKARA FURU'

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 [Enakmen No. 10/2003], Jawatankuasa Fatwa dengan perkenan Yang di-Pertuan Besar dan dengan persetujuan Yang Teramat Mulia Undang Yang Empat dan Tengku Besar Tampin, mengeluarkan fatwa seperti yang berikut:

1. Persoalan *khilafiyah* adalah perkara *ijtihadiah* dan tidak boleh dihukumkan *bid'ah* kerana amalan tersebut telah diterima dan menjadi amalan ulama muktabar sejak dahulu.
2. Pandangan jumhur ulama' sewajarnya menjadi ikutan masyarakat Islam dengan mengutamakan perkara asas dalam berdakwah dan tidak membesarkan perkara khilafiyah yang boleh menggugat perpaduan umat Islam.
3. Antara amalan-amalan tersebut adalah seperti yang berikut:
 - (a) Konsep penggunaan dan pengamalan Hadis Dhaif;
 - (b) Membaca surah Yaasin pada malam Jumaat;
 - (c) Membaca *tahlil* dan talqin untuk si mati;

- (d) Mengadakan kenduri arwah;
 - (e) Menyambut hari kebesaran Islam seperti Maulid al-Rasul, Isra' Mikraj dan Ma'al Hijrah pada setiap tahun;
 - (f) Membaca surah Yaasin 3 kali pada malam nisfu Sya'ban;
 - (g) Berdoa beramai-ramai selepas solat berjemaah;
 - (h) Membaca wirid dan zikir secara kuat atau nyaring beramai-ramai selepas solat fardu;
 - (i) Membaca "*Basmalah*" secara kuat atau nyaring dalam solat fardhu;
 - (j) Menyebut lafaz "*Usalli*" dalam niat solat;
 - (k) Membaca qunut dalam solat subuh;
 - (l) Bersalaman selepas solat berjemaah;
 - (m) Solat sunat *qabliah* Maghrib;
 - (n) Solat sunat *qabliah* Jumaat;
 - (o) Fidyah solat;
 - (p) Terbatal wuduk dengan sebab bersentuhan kulit lelaki dengan perempuan yang harus dikahwini;
 - (q) Bilangan raka'at bagi solat sunat tarawih selain 8 raka'at;
 - (r) Menyapu muka selepas salam;
 - (s) Aqiqah dengan binatang *al-an'am* selain kambing;
 - (t) Amalan *bertawassul* dan *bertabarruk*;
 - (u) Berdo'a dan membaca al-Quran di kubur; dan
 - (v) Berdo'a akhir tahun dan awal tahun.
4. Oleh yang demikian, mana-mana individu atau kumpulan orang Islam adalah dilarang—
- (a) membid'ahkan mana-mana orang Islam yang mengamalkan amalan-amalan yang dinyatakan dalam perenggan 3;
 - (b) menegah pengamalan dan pengajaran amalan-amalan yang dinyatakan dalam perenggan 3; dan
 - (c) menyiar, menyebarkan, menghebahkan atau mendedahkan dengan apa-apa cara pun bahawa amalan-amalan yang dinyatakan dalam perenggan 3 adalah *bid'ah*.

5. Mana-mana orang Islam adalah dilarang menjadi anggota, pemimpin atau penyokong mana-mana orang atau kumpulan yang melakukan perkara-perkara yang dilarang dalam perenggan 4.
6. Mana-mana orang Islam yang melakukan perkara-perkara dalam perenggan 4 adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di Negeri Sembilan.

Dibuat 28 Julai 2022

[JMKNNS.BPK.100-32/1: PUNS 100/2/4]

DATO' HJ. MOHD YUSOF BIN HJ. AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan*

N.S. P.U. 31.

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) 2003**

[Enakmen No. 10/2003]

PEMBERITAHUAN FATWA

**HUKUM PENULISAN AYAT-AYAT AL-QURAN DENGAN HURUF ROMAN
ATAU LATIN**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 *[Enakmen No. 10/2003]*, Jawatankuasa Fatwa dengan perkenan Yang di-Pertuan Besar dan dengan persetujuan Yang Teramat Mulia Undang Yang Empat dan Tengku Besar Tampin, mengeluarkan fatwa seperti yang berikut:

1. Orang Islam adalah wajib mempelajari al-Quran *Rasm Uthmani*.
2. Penulisan atau penggunaan ayat-ayat al-Quran dengan huruf Roman atau Latin atau selain Bahasa Arab adalah haram bagi menjaga kesucian dan kemukjizatan al-Quran terutama dari segi bacaan, sebutan dan tajwid kecuali bagi—
 - (a) penulisan akademik sama ada petikan atau frasa yang menggunakan tanda transliterasi al-Quran yang betul dan standard.
 - (b) tujuan permulaan pembelajaran bagi menarik orang membaca al-Quran, namun hendaklah disertakan dengan teks atau nas al-Quran dalam Bahasa Arab.

3. Mana-mana orang Islam adalah dilarang daripada menerbit, menjual dan mengedarkan buku tafsir atau terjemahan al-Quran yang ditulis dan dicetak dengan huruf Roman atau Latin atau selain Bahasa Arab tanpa disertakan teks asal dalam Bahasa Arab.

Dibuat 28 Julai 2022

[JMKNNNS.BPK.100-32/1 Jld. 2; PUNS 100/2/4]

DATO' HJ. MOHD YUSOF BIN HJ. AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan*

N.S. P.U. 32.

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) 2003**

[Enakmen No. 10/2003]

PEMBERITAHUAN FATWA

HUKUM PENUBUHAN BANK SUSU IBU

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 *[Enakmen No. 10/2003]*, Jawatankuasa Fatwa dengan perkenan Yang di-Pertuan Besar dan dengan persetujuan Yang Teramat Mulia Undang Yang Empat dan Tengku Besar Tampin, mengeluarkan fatwa seperti yang berikut:

1. Kewajipan menjaga keturunan adalah termasuk dalam lima perkara yang wajib dipelihara dalam syariat Islam. Oleh itu, apa-apa perkara yang boleh mendatangkan kemudharatan kepada nasab atau keturunan perlulah dielakkan.
2. Hukum penubuhan bank susu adalah berkait rapat dengan syarat-syarat pengharaman atas sebab susuan di mana bayi-bayi yang menyusu dengan seorang wanita atau lebih daripada seorang wanita akan menjadi adik-beradik susuan dan perkahwinan antara mereka adalah haram apabila memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh hukum Syarak.
3. Sehubungan itu, memandangkan penubuhan bank susu boleh mengakibatkan percampuran nasab dan membawa umat Islam terjebak dalam keraguan dan perkara yang haram maka hukum penubuhan bank susu adalah tidak diharuskan bagi orang Islam.

4. Walau bagaimanapun, bagi memenuhi keperluan bayi pra-matang yang memerlukan rawatan, ibu yang mempunyai masalah kekurangan susu atau mempunyai penyakit kronik atau berjangkit dan tidak dapat menyusukan bayinya maka adalah harus bagi ibu-ibu menderma susu ibu secara sukarela kepada bayi-bayi yang memerlukan dan keluarga bayi DENGAN SYARAT penderma perlulah mengenali antara satu sama lain.

Dibuat 28 Julai 2022

[JMKNNNS.BPK.100-32/1 Jld. 3; PUNS 100/2/4 Jld. 1]

DATO' HJ. MOHD YUSOF BIN HJ. AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan*

N.S. P.U. 33.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SEMBILAN) 2003

[Enakmen No. 10/2003]

PEMBERITAHUAN FATWA

HUKUM WANG CARUMAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP) DAN PERTUBUHAN KEBAJIKAN SOSIAL (PERKESO)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 [Enakmen No. 10/2003], Jawatankuasa Fatwa dengan perkenan Yang di-Pertuan Besar dan dengan persetujuan Yang Teramat Mulia Undang Yang Empat dan Tengku Besar Tampin, mengeluarkan fatwa seperti yang berikut:

1. Wang caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah harta pusaka yang hendaklah dibahagikan mengikut hukum faraid.
2. Penama-penama kepada harta pusaka tersebut hendaklah membahagikan harta peninggalan si mati kepada waris-warisan mengikut hukum faraid.
3. Wang simpanan Pertubuhan Kebajikan Sosial (PERKESO) adalah bukan harta pusaka dan tidak tertakluk kepada hukum faraid.
4. Fatwa yang dikeluarkan melalui N.S. P.U. 3/2002 bertarikh 31 Januari 2002 adalah dengan ini dibatalkan.

Dibuat 28 Julai 2022

[JMKNNNS.BPK.100-32/1 Jld. 3 (); PUNS 100/2/4 Jld. 1 ()]

DATO' HJ. MOHD YUSOF BIN HJ. AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan*

N.S. P.U. 34.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) 2003

[Enakmen No. 10/2003]

PEMBERITAHUAN FATWA

HUKUM MENUKAR STATUS JANTINA DALAM MYKAD

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 [Enakmen No. 10/2003], Jawatankuasa Fatwa dengan perkenan Yang di-Pertuan Besar dan dengan persetujuan Yang Teramat Mulia Undang Yang Empat dan Tengku Besar Tampin, mengeluarkan fatwa seperti yang berikut:

1. Hukum menukar status jantina dalam MyKad bagi pemilik yang menjalani pembedahan jantina yang diharuskan oleh syarak seperti *khunsa Wadhih* iaitu khunsa yang nyata memiliki tanda-tanda kelakian atau keperempuan semasa bayi oleh warisnya melalui pemerhatian sifat dan ciri alat kelamin tersebut atau berdasarkan alat yang mana satu tempat keluar air kencing terlebih dahulu adalah HARUS.
2. Hukum menukar status jantina dalam MyKad bagi pemilik yang menjalani pembedahan jantina yang tidak dibenarkan oleh syarak seperti *mukhannath* iaitu lelaki yang mempunyai tingkah laku seperti perempuan, berpakaian perempuan dan berperasaan seperti perempuan adalah HARAM.

Dibuat 28 Julai 2022

[JMKNNB.BPK.100-32/1 Jld. 3; PU/NS 100/2/4 Jld. 2]

DATO' HJ. MOHD YUSOF BIN HJ. AHMAD
Mufti Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan

N.S. P.U. 35.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) 2003

[Enakmen No. 10/2003]

PEMBERITAHUAN FATWA

HUKUM PENDERMAAN DAN PEMINDAHAN RAHIM

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 [Enakmen No. 10/2003], Jawatankuasa Fatwa dengan perkenan Yang di-Pertuan Besar dan dengan persetujuan Yang Teramat Mulia Undang Yang Empat dan Tengku Besar Tampin, mengeluarkan fatwa seperti yang berikut:

Pendermaan dan pemindahan rahim bagi tujuan mendapatkan zuriat bagi wanita yang mempunyai masalah ketidaksuburan yang berpunca daripada rahim yang bermasalah atau tidak mempunyai rahim, hukumnya adalah HARAM.

Dibuat 28 Julai 2022
[JMKNN.S.BPK.100-32/1; PUNS 100/2/4 Jld. 2]

DATO' HJ. MOHD YUSOF BIN HJ. AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan*

N.S. P.U. 36.

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) 2003**

[Enakmen No. 10/2003]

PEMBERITAHUAN FATWA

AJARAN ASMAUL HUSNA WAN MASERI BINTI WAN MOHD

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 *[Enakmen No. 10/2003]*, Jawatankuasa Fatwa dengan perkenan Yang di-Pertuan Besar dan dengan persetujuan Yang Teramat Mulia Undang Yang Empat dan Tengku Besar Tampin, mengeluarkan fatwa seperti yang berikut:

1. Ajaran Asmaul Husna yang dibawa oleh Wan Maseri Binti Wan Mohd adalah bercanggah dan bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah.
2. Ciri-ciri penyelewengan ajaran ini adalah seperti yang berikut:
 - (a) mendakwa bahawa ilmu Asmaul Husna itu diterima secara terus daripada Allah melalui ilham taqwa setelah Allah mensucikan hatinya;
 - (b) mendakwa bahawa di antara syirik terbesar pada waktu ini ialah mencintai Nabi. Mencintai Nabi itu dianggap sebagai menghijab hamba daripada terus kepada Allah;
 - (c) mendakwa bahawa seseorang tidak boleh menggunakan perkataan Islam kerana beliau mendakwa orang Islam sekarang adalah kafir dan perlu bersyahadah kembali;
 - (d) menafikan ada guru yang mampu mengajar ayat-ayat al-Quran yang merupakan bicara Allah melainkan Allah. Sedangkan Allah sendiri mengutuskan Rasulullah SAW untuk mengajarkan manusia tentang agama Islam;

- (e) mendakwa bahawa Allah adalah Maha Guru 7 lapisan langit dan bumi yang akan memberi kuliah melalui ayat-ayat-Nya (al-Quran dan alam);
 - (f) menggunakan istilah-istilah yang mengelirukan seperti jelmaan Allah, alat Allah dan lain-lain. Dalam banyak laporan beliau telah menggelar salah seorang pengikut mereka iaitu "Munirah" sebagai "Alat Allah";
 - (g) mendakwa bahawa ketiadaan guru mursyid untuk membimbing amalan zikir Asmaul Husna sedangkan ini bertentangan dengan perbincangan ulama' muftakar yang sedia maklum membahaskan berkenaan Asmaul Husna dalam karya-karya mereka; dan
 - (h) mendakwa bahawa penubuhan Universiti Antarabangsa Asmaul Husna adalah arahan terus daripada Allah. Universiti tersebut tidak berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan Program Diploma, Ijazah, Sarjana dan Doktor Falsafah yang ditawarkan juga tidak menepati kriteria sebuah universiti.
3. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan adalah dilarang—
- (a) menganut, mengamal, menjadi ahli atau pengikut ajaran Asmaul Husna Wan Maseri Binti Wan Mohd;
 - (b) mengajar, menyebarkan, membantu, menganjur, mempromosi ajaran atau menghadiri apa-apa majlis atau perjumpaan yang dikaitkan dengan ajaran Asmaul Husna Wan Maseri Binti Wan Mohd; atau
 - (c) memiliki, menyimpan, mencetak, menerbit, menjual, mengedar atau menggunakan apa-apa terbitan, risalah, majalah, buku, media sosial, dokumen, rakaman audio, filem atau apa-apa bahan yang dikaitkan dengan ajaran Asmaul Husna Wan Maseri Binti Wan Mohd.
4. Mana-mana orang Islam yang telah berbai'ah atau mengamalkan fahaman dan ajaran Asmaul Husna Wan Maseri Binti Wan Mohd adalah disifatkan bercanggah dengan ajaran agama Islam yang sebenar dan hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan daripada Allah SWT.

Dibuat 28 Julai 2022

[JMKNNNS.BPK.100-32/1; PUNS 100/2/4 Jld. 2]

DATO' HJ. MOHD YUSOF BIN HJ. AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA